



## DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk memohon jawatan seperti yang berikut:

### 1. Jawatan:

Bil.	Jawatan	Gred	Penempatan	Taraf Perkhidmatan
i.	Akauntan	WA41	Ibu Pejabat DBP	Tetap
ii.	Eksekutif Pemasaran	T29	DBP Hulu Kelang	Kontrak

Kumpulan Perkhidmatan: Jawatan (i) ialah dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (*Disyaratkan untuk menduduki Peperiksaan Praperkhidmatan*) dan jawatan (ii) ialah dalam Kumpulan Pelaksana.

### 2. CARA MEMOHON

- 2.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan DBP [Borang PSM: 1/2020 (Pindaan Pent.27/99)]. Maklumat skim perkhidmatan dan borang permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang DBP di <http://lamanweb.dbp.gov.my>.
- 2.2 Tarikh tutup permohonan pada **9 Oktober 2020**.
- 2.3 Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
(u.p.: Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

### 3. KETERANGAN AM

Pemohon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan ini dianggap **TIDAK BERJAYA**.

## 1. AKAUNTAN GRED WA41

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM2,820.00 - RM9,585.00

### 1.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
- (ii) Lulus peperiksaan akhir Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan  
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
- (iii) Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA)  
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00; dan
- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 1.2 SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1.1 (a); dan
- (b) Had umur pelantikan:
  - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## 2. EKSEKUTIF PEMASARAN (KONTRAK)

Kadar Upah Sebulan: RM3,360.00 - RM3,400.00

### 2.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
(Upah pukal: RM3,360.00)
- (b) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Upah pukal: RM3,400.00)
- (c) Telah mempunyai pengalaman dalam bidang pemasaran/pentadbiran perniagaan dan yang berkaitan sekurang-kurangnya 8 tahun pengalaman; dan
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.